

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini akan diterangkan aspek-aspek berkaitan metodologi kajian yang digunakan dengan lebih jelas dan terperinci. Aspek-aspek tersebut ialah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, metode pengumpulan data, kajian rintis dan penganalisan data. Disamping menjelaskan metodologi kajian, dalam bab ini juga akan diterangkan tentang latar belakang bandaraya Petaling Jaya, sekolah-sekolah menengah yang terdapat di bandaraya ini dan faktor-faktor Petaling Jaya dipilih sebagai tempat kajian.

#### **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey research). Reka bentuk ini digunakan untuk melihat dan menilai tahap amalan dan penghayatan ibadah pelajar-pelajar Islam tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Petaling Jaya. Reka bentuk ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Menurut Mohd Majid Konting,<sup>1</sup> kaedah tinjauan adalah sesuai

---

<sup>1</sup> Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. c. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96.

digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Melalui kaedah ini satu set soal selidik digunakan untuk dijawab oleh responden. Di samping itu kaedah temu bual dan pemerhatian juga turut digunakan sebagai menyokong dapatan-dapatan daripada soal selidik.

### **3.3 METODE PENGUMPULAN DATA**

Secara asasnya terdapat empat kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan<sup>2</sup> iaitu temubual, soal selidik, observasi dan eksperimental. Bagaimanapun kaedah eksperimental jarang digunakan dalam penyelidikan sosial kecuali dalam bidang pendidikan di mana suatu kaedah pengajaran baru dibentuk akan dieksperimenkan dalam bilik darjah untuk mengetahui keberkesanan dan kelemahannya.

Menurut Abdul Rashid Moten,<sup>3</sup> walau apa sekali pun metode yang digunakan, seseorang penyelidik perlu mematuhi dan mengikuti prosedur-prosedur tertentu supaya data yang diperoleh dengan cara tersebut dapat membantu menghasilkan kajian yang valid, relevan dan bernilai sesuai dengan sifat bidang kajiannya. Perancangan yang rapi dalam proses mengumpulkan data juga dapat membantu penyelidik menguruskan masa dan kos penyelidikan dengan baik.

---

<sup>2</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publications, h. 53.

<sup>3</sup> Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia, h. 16.

Dalam membentuk sesuatu kaedah bagi proses penyelidikan dua aspek perlu diambil kira iaitu kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability). Kesahan merujuk kepada kemampuan soalan, kalau temubual atau soal selidik untuk menanya sebagaimana yang dimaksudkan. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada kemampuan instrumen berkenaan untuk mengumpul data yang dikehendaki dalam semua keadaan ianya akan dilaksanakan.<sup>4</sup>

Menurut Mohd Majid Konting,<sup>5</sup> kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Menurut beliau penyelidik perlu terlebih dahulu mengenal pasti objektif dan jenis penyelidikan yang ingin dijalankan. Kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh meyebabkan beban maklumat serta boleh meningkatkan perbelanjaan penyelidikan.

Dalam kajian ini dua kaedah penyelidikan digunakan untuk mengumpulkan data yang diperlukan iaitu kajian perpustakaan seperti penggunaan dokumen-dokumen yang berautoriti dan kajian lapangan seperti temubual, soal selidik dan pemerhatian.<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 51-53.

<sup>5</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 86.

<sup>6</sup> Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (2006), Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 15.

### 3.3.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti laporan-laporan, risalah-risalah atau majalah, suratkhbar dan lain-lain bentuk penulisan dan penerbitan dari pihak-pihak tertentu.<sup>7</sup> Justeru itu, dalam kajian ini kajian perpustakaan amat diperlukan untuk menyediakan pengenalan kepada kajian dan landasan teori dalam bab satu dan bab dua. Ia juga digunakan untuk menyokong dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian lapangan.

Daripada kajian perpustakaan juga, kajian dan penelitian ke atas karya-karya berkaitan dapat dilakukan. Pengetahuan yang didapati daripada karya-karya berkaitan membolehkan penyelidik menerang dan menjelaskan latar belakang sesuatu masalah serta mengenal pasti sejauh mana sesuatu bidang di mana masalah wujud telah dikaji.<sup>8</sup> Seterusnya melalui karya-karya berkaitan penyelidik boleh mempelajari kaedah dan teknik yang sesuai untuk menyelesaikan masalah di samping dapat mengelakkan pengulangan kajian lepas yang tidak dikehendaki.<sup>9</sup>

### 3.3.2 Kajian Lapangan

Terdapat dua jenis data yang diperlukan dalam setiap kajian iaitu data primer data sekunder.<sup>10</sup> Pengumpulan data-data primer dilakukan dengan cara temubual

---

<sup>7</sup> Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 12

<sup>8</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 43.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 44.

<sup>10</sup> Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990), *op.cit.*, h. 16.

dengan pembuat-pembuat polisi, pegawai-pegawai berkenaan, para pakar, orang-orang perseorangan, secara pengamatan, pemerhatian dan pandangan kritis. Kaedah terpenting ialah melalui soal selidik atau bancian.<sup>11</sup>

Menurut Abdul Rashid Moten,<sup>12</sup> sekiranya kajian lapangan menjadi metode mengumpulkan data beberapa perkara perlu diambil kira untuk memastikan data berjaya diperolehi iaitu pemilihan tempat kajian, kemudahan memperolehi maklumat dan kaedah menghubungi individu-individu atau kumpulan-kumpulan tertentu atau informan yang boleh memberi maklumat yang boleh dipercayai untuk kajian. Dalam kajian ini sebahagian data yang digunakan merupakan data yang diperolehi daripada kajian lapangan. Metode kajian lapangan yang digunakan ialah soal selidik, temubual dan pemerhatian.

### **3.3.2.1 Soal Selidik**

Penyelidikan pendidikan seperti juga penyelidikan sosial sering menggunakan populasi yang besar. Oleh itu penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah lebih praktikal dan berkesan kerana dapat membantu mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data.<sup>13</sup> Soal selidik merupakan satu bentuk instrument yang banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Di

---

<sup>11</sup> Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990), *op.cit.*, h. 10.

<sup>12</sup> Abdul Rashid Moten (1998), *op.cit.*, h. 16.

<sup>13</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 201-202.

samping juga digunakan untuk mengkaji berkenaan dengan sikap dan pendapat tentang sesuatu perkara.<sup>14</sup>

Sekiranya kaedah persampelan digunakan untuk mengkaji populasi, soal selidik dapat mengukur ciri-ciri atau pemboleh ubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi.<sup>15</sup>

Oleh itu dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap amalan dan penghayatan ibadah pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi amalan dan penghayatan ibadah pelajar dan adakah terdapat hubungan antara penghayatan ibadah pelajar dengan kehidupan harian mereka. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian.<sup>16</sup> Jadual 3.3.2.1 menunjukkan taburan bahagian-bahagian dan jumlah item dalam borang soal selidik.

**Jadual 3.3.2.1: Taburan item mengikut bahagian dalam borang soal selidik**

| Bahagian   | Elemen                       | Item (Nombor) | Bil |
|------------|------------------------------|---------------|-----|
| Bahagian A | Jantina                      | 1             | 1   |
|            | Pencapaian Pendidikan Islam  | 2             | 1   |
|            | Minat Dalam Pendidikan Islam | 3             | 1   |
|            | Pekerjaan Ibu bapa           | 4             | 1   |
|            | Purata Pendapatan Ibu bapa   | 5             | 1   |
|            | Tahap Akademik Ibu Bapa      | 6             | 1   |

<sup>14</sup> Deobold B. Van Dalen (1962), *Understanding Educational Research: An Introduction*. New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc., h. 254.

<sup>15</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 202

<sup>16</sup> Lihat borang soal selidik dalam bahagian lampiran.

|            |  |      |    |
|------------|--|------|----|
| Bahagian B | Tahap amalan dan penghayatan dalam ibadah khusus.  | 1-20 | 20 |
| Bahagian C | (i) Faktor-faktor mempengaruhi amalan dan penghayatan ibadah                                 | 1-6  | 6  |
|            | (ii) Persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi amalan dan penghayatan ibadah | 1-17 | 17 |
| Bahagian D | Kesan penghayatan ibadah ke atas cara hidup pelajar  | 1-12 | 12 |
| JUMLAH     |  | 61   | 61 |

Bahagian A mengandungi 6 item yang berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden. Soalan yang terdapat dalam bahagian ini ialah tentang jantina, gred pencapaian pendidikan Islam dalam PMR, minat atau tidak dengan Pendidikan Islam, pekerjaan ibu bapa, purata pendapatan ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa. Soalan-soalan dalam bahagian A dibina berasaskan kepada kesesuaiannya dengan objektif kajian.

Bahagian B, mengandungi soalan berkaitan dengan amalan dan penghayatan ibadah khusus harian iaitu ibadah solat (wajib dan sunat), ibadah puasa (wajib dan sunat), membaca al-Quran, berzikir dan berdoa. Soal selidik bahagian ini dibina berpandukan kepada soal selidik Ahmad Sabri Osman<sup>17</sup> yang mengkaji keberkesanan penghayatan sistem Pendidikan Islam dalam kalangan mahasiswa UiTM kampus Arau, Perlis dan Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>18</sup> yang mengkaji pengabaian solat fardu

<sup>17</sup> Ahmad Sabri Osman (2002), *op.cit.*

<sup>18</sup> Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004), *op.cit.*

dalam kalangan remaja di daerah Pasir Putih, Kelantan, yang kemudiannya telah diubah suai untuk disesuaikan dengan kajian ini.

Bahagian B mengandungi 20 item yang menggunakan bentuk jawapan tertutup iaitu responden dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat berasaskan kepada cadangan-cadangan jawapan untuk soalan yang dikemukakan.<sup>19</sup> Antara kelebihan soal selidik tertutup ini ialah<sup>20</sup> mudah ditadbir, mudah menganalisis jawapan kerana data yang diperolehi lebih teratur dan jelas serta dapatan daripada analisis juga mudah ditafsir dengan berkesan. Menurut Kenneth D. Bailey,<sup>21</sup> sebagaimana yang dipetik daripada Hashim Awang, antara kelebihan yang lain adalah dari segi jawapan iaitu ia adalah selaras (standard) dan boleh dibandingkan antara responden, di samping menjimatkan masa serta mudah bagi responden memahami kehendak soalan dengan lebih jelas.

Bagi bahagian C pula, mengandungi soalan berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar mengamalkan dan menghayati ibadah dan persepsi pelajar terhadap faktor-faktor tersebut. Soalan bahagian C dibina sendiri oleh penyelidik. Ia dibahagikan kepada dua iaitu bahagian C (i) soalan berkaitan dengan faktor. Terdapat enam faktor yang diberi. Iaitu faktor diri sendiri, ibu bapa, guru Pendidikan Islam, rakan, program keagamaan di sekolah dan persekitaran. Responden

---

<sup>19</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 206.

<sup>20</sup> *Ibid*, h. 206-207.

<sup>21</sup> Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 186.

diminta memilih satu jawapan sahaja dengan menggunakan empat skala likert berikut:

1. Sangat Tidak Mempengaruhi
2. Tidak Mempengaruhi
3. Mempengaruhi
4. Sangat Mempengaruhi

Skala pertama “Sangat Tidak Mempengaruhi” bermaksud, faktor tersebut sama sekali tidak dapat mendorong responden untuk mengamalkan dan menghayati ibadah. Skala “Tidak Mempengaruhi” bermaksud, faktor tersebut tidak mendorong responden untuk mengamalkan dan menghayati ibadah. Skala “mempengaruhi” bermaksud faktor tersebut ada mempengaruhi responden. Skala “Sangat Mempengaruhi” bermaksud, faktor tersebut sangat mendorong responden.

Bahagian C (ii) pula, mengandungi soalan berkaitan persepsi pelajar. Bahagian ini mengandungi 17 item dan menggunakan pendekatan jawapan dalam bentuk lima skala likert dan responden perlu memilih satu jawapan sahaja, iaitu:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Tidak Pasti
4. Setuju
5. Sangat Setuju

Manakala bahagian D, mengandungi soalan berkaitan hubungan penghayatan ibadah ke atas cara hidup pelajar. Ia mengandungi 12 item dan pendekatan jawapan, sama dengan bahagian C (ii) di atas iaitu bentuk tertutup menggunakan lima skala likert. Soalan bahagian ini juga telah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan keperluan dan kesesuaian dalam kajian ini.

Skala “Sangat Tidak Setuju” membawa maksud, responden amat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Skala “Tidak Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut tidak benar. Skala “Tidak Pasti” bermaksud responden tidak dapat menentukan dengan jelas pernyataan tersebut. Skala “Setuju” bermaksud, responden beranggapan pernyataan tersebut adalah benar. Skala “Sangat Setuju” bermaksud, responden amat yakin dengan kebenaran pernyataan tersebut.

Soal selidik yang telah dibentuk ini telah melalui semakan dan pembaikan berdasarkan maklumbalas responden dalam ujian rintis. Soalan-soalan dan bentuk jawapan yang mengelirukan responden serta tidak menjejaskan objektif kajian telah dibuang. Pengedaran soal selidik kepada responden telah dilakukan sendiri oleh penyelidik. Cara ini dapat menjamin pulangan seratus peratus borang soal selidik dan dapat menjimatkan masa untuk mendapatkan semula borang soal selidik yang telah diisi oleh responden. Penyelidik telah mengambil masa selama sembilan hari untuk mengedarkan soal selidik ini di sekolah-sekolah yang terlibat. Sebelum itu, penyelidik telah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada pihak sekolah untuk mengedarkan borang soal selidik. Seterusnya menetapkan hari dan masa dengan

kerjasama Ketua Panitia Pendidikan Islam dan guru Pendidikan Islam sekolah-sekolah yang terlibat.

Sebelum mengisi borang soal selidik, responden telah diberi penjelasan berkaitan dengan cara untuk memberi maklum balas terhadap item-item dalam soal selidik berkenaan. Responden juga dimaklumkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan bertujuan untuk penyelidikan sahaja serta ia bukan satu peperiksaan dan semua persetujuan yang diberi dianggap betul. Responden diminta menjawab dengan ikhlas dan jujur. Mereka juga tidak dibenarkan berbincang dan meniru jawapan rakan, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah bersifat peribadi dan tertumpu pada diri responden sendiri. Di samping responden sendiri lebih arif tentang kehidupan mereka. Tambahan pula jika berlaku peniruan akan menyebabkan tindak balas yang diberi kemungkinan tidak tepat dan jujur serta data yang diperolehi tidak sah dan tahap kebolehpercayaan adalah rendah. Responden diberi masa antara 20 hingga 30 minit untuk menjawab soal selidik tersebut.

### **3.3.2.2 Temubual**

Selain daripada menggunakan kaedah soal selidik, kaedah temubual turut digunakan. Temubual merupakan kaedah bila mana subjek dan penyelidik hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Melalui temubual maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek sebagaimana kaedah soal selidik. Kaedah temubual digunakan untuk memperolehi maklumat seperti fakta,

kepercayaan, perasaan dan kehendak yang diperlukan untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Temubual menghendaki penyelidik dan subjek berinteraksi secara langsung dan aktif.<sup>22</sup>

Dalam kajian ini temubual berstruktur telah digunakan.<sup>23</sup> Temubual berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian terutamanya dalam penulisan bab empat. Temubual telah dilakukan ke atas individu-individu yang terlibat secara langsung dengan responden<sup>24</sup> seperti guru-guru Pendidikan Islam dan Kaunselor Sekolah. Informan juga termasuk pegawai di Unit Pendidikan Islam di Pejabat Pendidikan Daerah atau pegawai di Sektor Pendidikan Islam dan Moral (SPIM) di Jabatan Pelajaran Negeri kerana mereka terlibat secara langsung dengan guru-guru Pendidikan Islam dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah. Beberapa orang pelajar juga telah dilibatkan dalam temubual kerana penyelidik berpendapat idea spontan yang diberi oleh pelajar berkenaan mungkin berguna untuk menyokong dapatan kajian. Pelajar yang ditemubual merupakan pelajar yang tidak terlibat dalam mengisi borang soal selidik.

---

<sup>22</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 237.

<sup>23</sup> Lihat soalan temu bual berstruktur dalam bahagian lampiran B.

<sup>24</sup> Lihat senarai informan yang telah ditemubual dalam bibliografi, h. 196-197.

### 3.3.2.3 Pemerhatian (Observasi)

Pemerhatian merupakan satu daripada kaedah mengukur pemboleh ubah penyelidikan.<sup>25</sup> Dalam kajian ini, metode pemerhatian<sup>26</sup> turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian. Melalui kaedah ini pengkaji telah memerhati gerak geri subjek yang hendak dikaji. Menurut Ahmad Mahzan Ayob,<sup>27</sup> kebaikan kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa kejadian itu berlaku.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta yang digunakan untuk mengetahui tahap penghayatan ibadah puasa dalam kalangan pelajar. Pemerhatian tidak turut serta menghendaki penyelidik berada di luar unit sosial yang mana tingkah lakunya diperhatikan. Penyelidik berfungsi sebagai pemerhati tanpa mencampuri tingkah laku unit sosial dan maklumat yang dikumpul lebih dipercayai kerana maklumat tersebut kurang dipengaruhi oleh reaksi subjek dan kurang dipengaruhi oleh perasaan dan simpati penyelidik.<sup>28</sup>

Untuk tujuan ini, penyelidik telah membuat pemerhatian pada bulan Ramadan, di kantin sekolah SMK Sultan Abdul Samad dan SMK(P) Sri Aman pada waktu rehat. Memandangkan paras rupa segelintir pelajar Islam di Petaling Jaya tidak

---

<sup>25</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 247.

<sup>26</sup> Pemerhatian ialah pengkaji melibatkan diri secara langsung untuk membuat penelitian dan pemeriksaan secara terus menerus. Lihat dalam Zainal Mat Saat (1985), *Pengantar Statistik*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 8.

<sup>27</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61.

<sup>28</sup> Mohd Majid Konteng (1998), *op.cit.*, h. 247.

seratus peratus berwajah Melayu tulin, maka penyelidik perlu teliti dalam membuat pemerhatian agar tidak melakukan kesilapan. Untuk mengelakkan kesilapan dan memudahkan pemerhatian, penyelidik telah meminta bantuan seorang pengawas di sekolah-sekolah terbabit untuk duduk bersama semasa pemerhatian dibuat.

### **3.4 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN**

Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Islam tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan di Petaling Jaya, yang berjumlah 1,392 orang.<sup>29</sup> Daripada jumlah tersebut seramai 450 orang telah diambil sebagai sampel kajian. Jumlah ini adalah melebihi 30 % daripada jumlah keseluruhan populasi. Dalam teori kaedah penyelidikan, jumlah yang lebih banyak adalah lebih baik dan lebih bertambah keyakinan terhadap dapatan hasil kajian<sup>30</sup> serta dapat mengurangkan ralat persampelan.<sup>31</sup>

Pemilihan sampel sebagai responden adalah menggunakan kaedah *purposive sampling* iaitu ciri-ciri responden yang diperlukan untuk kajian ini telah ditetapkan. Ciri-ciri tersebut ialah pelajar tingkatan empat, terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang hampir sama banyak. Mempunyai tahap pencapaian akademik yang berbagai iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Hanya terdiri daripada pelajar yang beragama Islam. Datang daripada keluarga yang mempunyai status sosio

---

<sup>29</sup> Sumber diperolehi daripada Unit Data, Pejabat Pendidikan Daerah Petaling pada Julai 2006.

<sup>30</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, Edisi ke 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 68.

<sup>31</sup> Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah: Teori dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 165.

ekonomi yang berbeza. Daripada ciri-ciri yang telah ditetapkan, responden akan dipilih menggunakan persampelan rawak mudah, yang memberi peluang sama kepada semua responden untuk dipilih.<sup>32</sup>

Pemilihan sampel hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat adalah didasarkan atas fakta bahawa responden telah mempunyai pengetahuan dan pengalaman serta pendedahan yang lama berkaitan ibadah-ibadah khusus yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu bermula dari peringkat sekolah rendah dan pendedahan ini kemudiannya telah dilanjutkan apabila responden berada di peringkat sekolah menengah. Oleh itu penyelidik berkeyakinan berdasarkan kedudukan sampel, data yang sewajarnya dapat diperolehi dan boleh dipercayai.

Di samping itu pemilihan responden dari kalangan pelajar tingkatan empat juga didasarkan atas fakta bahawa pada kebiasaannya, mereka ini telah mencapai umur baligh baik pelajar lelaki mahu pun pelajar perempuan. Dengan lain perkataan responden adalah terdiri daripada mereka yang mukallaf, yang telah dibebankan dengan tanggungjawab agama. Sifat kemukallafan responden ini penting dan relevan dengan objektif kajian. Iaitu untuk mengetahui sejauhmana responden mengamalkan dan menghayati ibadat khusus harian yang telah diwajibkan kepada mereka dan sejauhmana pula responden meningkatkan amal ibadat melalui ibadat khusus harian yang sunat. Pemilihan pelajar tingkatan empat juga ada kaitan dengan dasar Kementerian pelajaran yang tidak menggalakkan mengambil pelajar daripada kelas-

---

<sup>32</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 73-74.

kelas peperiksaan menjadi sampel kajian kerana dikuatiri akan mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka.

Dari segi taburan responden mengikut sekolah adalah seperti berikut, iaitu SMK Assunta 31 orang, SMK(L) Bukit Bintang 73 orang, SMK Kelana Jaya 61 orang, SMK La Salle 32 orang, SMK(P) Sri Aman 44 orang, SMK Sri Permata 76 orang, SMK Sri Utama 34 orang, SMK Taman Medan 79 orang dan SMK(P) Taman Petaling 20 orang. Taburan responden berdasarkan jantina pula ialah responden lelaki berjumlah 230 orang dan responden perempuan berjumlah 220 orang. Jadual 3.2 menunjukkan taburan sampel secara terperinci mengikut sekolah.

**Jadual 3.4: Taburan sampel mengikut sekolah.**

| Sekolah                | Lelaki     |              | Perempuan  |              |
|------------------------|------------|--------------|------------|--------------|
|                        | Bilangan   | Peratus      | Bilangan   | Peratus      |
| SMK Assunta            | -          | -            | 31         | 14.1         |
| SMK (P) Taman Petaling | -          | -            | 20         | 9.1          |
| SMK(L) Bukit Bintang   | 73         | 31.7         | -          | -            |
| SMK Kelana Jaya        | 34         | 14.8         | 27         | 12.3         |
| SMK La Salle           | 32         | 13.9         | -          | -            |
| SMK(P) Sri Aman        | -          | -            | 44         | 20.0         |
| SMK Sri Permata        | 43         | 18.7         | 33         | 15.0         |
| SMK Sri Utama          | 22         | 9.6          | 12         | 5.5          |
| SMK Taman Medan        | 26         | 11.3         | 53         | 24.1         |
| <b>Jumlah</b>          | <b>230</b> | <b>100.0</b> | <b>220</b> | <b>100.0</b> |

Sumber: Borang Soal Selidik 2006

### 3.5 KAJIAN RINTIS

Menurut Idris Awang<sup>33</sup> uji rintis bertujuan untuk memastikan bahawa kaedah yang dilaksanakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan. Seterusnya hasil dari pelaksanaan uji rintis ini akan membolehkan penyelidik mengenalpasti kelemahan instrumennya dan mengetahui di mana kekuatannya.

Sebelum kajian sebenar dilakukan, satu kajian rintis (*pilot test*) telah diadakan di SMK Seksyen 7, Shah Alam, melibatkan 31 orang pelajar. Sekolah tersebut dipilih kerana pelajarnya mempunyai ciri persamaan dengan ciri responden yang diperlukan untuk kajian. Tujuan kajian rintis diadakan adalah untuk mengetahui sejauhmana soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sesuai dan difahami oleh responden. Kajian rintis ini juga bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik. Oleh itu mana-mana soalan yang tidak sesuai atau sukar difahami atau boleh mengelirukan boleh diperbaiki atau pun ditiadakan.<sup>34</sup>

Untuk menganggarkan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik, pekali *alpha Cronbach* digunakan<sup>35</sup> melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 11.0. Jadual 4.3 menunjukkan dapatan daripada kajian

---

<sup>33</sup> Idris Awang (2001), *op.cit.*, h. 61-62.

<sup>34</sup> Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *op.cit.*, h. 83.

<sup>35</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 171.

rintis, nilai pekali *alpha Cronbach* tertinggi ialah 0.9030 (Bahagian D) dan nilai terendah ialah 0.5822 (Bahagian C (i)).

**Jadual 3.5: Analisis kebolehpercayaan bahagian C dan D**

| <b>Bahagian</b> | <b>Kandungan</b>  | <b>Bilangan Item</b> | <b>Nilai Pekali Alpha (<math>\alpha</math>)</b> |
|-----------------|---|----------------------|---|
| C               | (i) Faktor mempengaruhi amalan dan penghayatan ibadah khusus harian.                                | 6                    | 0.5822  |
|                 | (ii) Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi amalan dan penghayatan ibadah khusus harian. | 17                   | 0.7205  |
| D               | Hubungan antara penghayatan dalam ibadah dan cara hidup positif                                     | 12                   | 0.9030  |

Sumber: Hasil Analisis kajian rintis 2006

Berdasarkan dapatan dan maklumbalas daripada kajian rintis, pengkaji telah memperbaiki beberapa item dalam borang soal selidik. Antaranya dalam bahagian A, pada asalnya terdapat 8 item telah dikurangkan kepada 6 item. Soalan yang tidak diperlukan ialah soalan berkaitan umur dan soalan sama ada ibu bapa bekerja atau tidak.

Dalam bahagian B pula, jawapan lain-lain dalam sebahagian item telah ditiadakan. Tujuannya agar responden memberikan jawapan yang pasti kepada soalan berkaitan. Begitu juga soalan tentang adakah mempunyai masa tetap membaca al-

Quran telah ditiadakan. Oleh itu dalam bahagian B, asal item berjumlah 21 telah dikurangkan menjadi 20 item sahaja. Begitu juga item-item dalam bahagian C(ii) telah diperbaiki dari segi bahasa agar tidak mengelirukan responden.

Setelah beberapa pembaikan dilakukan, barulah soal selidik tersebut digunakan dan ditadbirkan kepada responden yang sebenar untuk mendapatkan maklumat-maklumat atau data yang diperlukan bagi kajian ini.

### **3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan lancar dan telus. Langkah pertama adalah mendapatkan kelulusan tajuk kajian daripada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam. Apabila kelulusan tajuk kajian telah diperolehi, tindakan seterusnya ialah membuat surat permohonan untuk menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPD/ERPD), Kementerian Pelajaran Malaysia. Setelah kebenaran daripada BPPD diperolehi, penyelidik memohon pula kebenaran kepada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) untuk menjalankan penyelidikan terhadap sampel di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti.

Apabila kebenaran daripada JPNS telah diperolehi, pengkaji telah pergi ke sekolah lain, di luar kawasan Petaling Jaya yang mempunyai persamaan dengan sampel kajian. Penyelidik telah memohon kebenaran daripada pengetua sekolah terlibat untuk menjalankan kajian rintis. Apabila kebenaran diperolehi, penyelidik

telah menetapkan masa dan hari untuk menjalankan ujian rintis, melibatkan 31 orang pelajar tingkatan 4. Berdasarkan dapatan analisis ujian rintis, iaitu nilai pekali *alpha Cronbach* tertinggi ialah 0.9030 (Bahagian D) dan nilai alpha terendah ialah 0.5822 (Bahagian C(i), maka penyelidik berkeyakinan untuk menggunakan dan mentadbirkan soal selidik kepada responden sebenar untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini.

Dalam usaha menjalankan soal selidik yang sebenar, penyelidik juga telah memohon kebenaran daripada pengetua sekolah-sekolah terlibat. Apabila kebenaran telah diperolehi, penyelidik telah menetapkan hari dan masa untuk menjalankan kajian. Usaha mengumpul data menggunakan borang soal selidik mengambil masa selama sembilan hari. Penyelidik telah melibatkan diri secara langsung dalam pengagihan dan penerangan terhadap borang soal selidik ini dengan kebenaran guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengambil alih kelas mereka.

Apabila semua borang soal selidik yang diisi oleh responden telah dikumpulkan dan disemak, prosedur terakhir yang perlu dilakukan ialah memasukkan semua data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk diproses dan dianalisis.

### **3.7 PENGANALISISAN DATA**

Penganalisan data merupakan aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Ia melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual. Penganalisan data juga melibatkan pengiraan

terhadap data mentah dan seterusnya berasaskan maklumat yang terhasil daripada penganalisan tersebut, penyelidik akan menggunakan maklumat tersebut sebagai bukti untuk membuat sesuatu keputusan.<sup>36</sup>

Menurut Kamarudin Ngah<sup>37</sup> penganalisan data boleh menghasilkan tiga keputusan berikut:

- i. Menghasilkan gambaran terperinci tentang sesuatu benda, situasi atau keadaan sesuatu objek kajian dalam bentuk statistik.
- ii. Menghasilkan penemuan dan rumusan tentang sesuatu isu dan permasalahan-permasalahan berkaitan dengan kajian.
- iii. Berupaya memberikan gambaran awal tentang kemungkinan penyelesaian sesuatu masalah. Gambaran awal ini penting untuk memandu penyelidik ke arah menyarankan penyelesaian-penyelesaian akhir dan muktamad. Ia juga dapat mewujudkan beberapa alternatif terpilih ke arah menyelesaikan sebarang isu-isu dan permasalahan.

Dalam kajian ini data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.0. Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) adalah satu daripada beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS

---

<sup>36</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 309.

<sup>37</sup> Kamarudin Ngah dan Roslim Md. Akhir (1990), *op.cit.*, h. 99-101.

dibina khusus untuk menampung penganalisisan data yang banyak dan berulang dengan cepat dan cekap.<sup>38</sup>

Dua bentuk analisis data digunakan iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Statistik deskriptif atau disebut juga dengan statistik perihalan ialah statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa.<sup>39</sup> Dalam kajian ini statistik deskriptif yang merangkumi jumlah skor, peratus dan frekuensi digunakan untuk memerihalkan latar belakang responden iaitu berkaitan jantina, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR, tahap minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, pekerjaan, pendidikan dan pendapatan ibu bapa.

Jadual silang (*crosstabulation*) juga turut digunakan untuk menghasilkan suatu ukuran perhubungan antara dua pembolehubah iaitu dalam bahagian B. Nilai penganalisaan dalam bentuk min dan sisihan piawai digunakan dalam bahagian C dan bahagian D untuk mengetahui faktor yang mendominasi responden untuk menghayati ibadah, tahap persepsi responden terhadap faktor-faktor tersebut dan untuk mengetahui tahap hubungan antara penghayatan ibadah dengan cara hidup positif dalam kalangan pelajar.

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 288.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 312.

Tafsiran bacaan min yang digunakan adalah sepertimana dalam jadual 3.7.

**Jadual 3.7: Tafsiran Bacaan Min**

| <b>SKOR MIN</b> | <b>KRITERIA</b> |
|-----------------|-----------------|
| 1.0 – 2.5       | Rendah          |
| > 2.5 - < 3.5   | Sederhana       |
| > 3.5 – 5.0     | Tinggi          |

Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah kolerasi *Pearson* yang digunakan untuk menentukan kesignifikan hubungan di antara penghayatan ibadah dan jantina, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR, minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam, tahap sosio ekonomi dan juga hubungan di antara penghayatan ibadah dan cara hidup positif yang diamalkan oleh pelajar.

Statistik inferensi memainkan peranan penting di dalam bidang penyelidikan. Statistik ini digunakan hampir pada seluruh bidang penyelidikan sama ada bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial atau pendidikan.<sup>40</sup> Ujian khi-kuasa dua juga digunakan untuk menguji *hipotesis* kajian sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah.

Data yang dianalisis dibentangkan dalam bentuk jadual dan carta yang menunjukkan frekuensi dan peratusan serta jadual dua hala yang sertakan dengan nilai - p bagi ujian Khi-Kuasa Dua. Aras keertian yang biasa digunakan dalam kajian

---

<sup>40</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, hal. 315-316.

sains sosial adalah lima peratus ( $\alpha = 0.05$ ).<sup>41</sup> Dengan itu nilai – p yang kurang dari 0.05 adalah dianggap signifikan.

### 3.8 LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

Kajian ini dilakukan di Petaling Jaya. Iaitu sebuah bandaraya yang terletak di daerah Petaling dalam negeri Selangor. Kedudukannya adalah bersebelahan dengan bandaraya Kuala Lumpur. Ia dihubungkan melalui lebuhraya Persekutuan dengan Shah Alam dan Bandar Klang di sebelah Barat.<sup>42</sup> Petaling Jaya merupakan bandar baru pertama yang diwujudkan untuk menjadi bandar setelit kepada bandaraya Kuala Lumpur.<sup>43</sup>

Sejarah penubuhan bandar ini bermula pada tahun 1952, di atas 639 ekar tanah di Ladang Palmlands di Jalan Klang Lama. Pada tahun 1954, Kuasa Tempatan Petaling telah ditubuhkan dan 10 tahun kemudian pada tahun 1964, Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah diwujudkan dengan kawasan seluas 6000 ekar. Seterusnya hanya pada tahun 1997, barulah Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) diwujudkan dengan kawasan seluas 16.5 bt persegi.<sup>44</sup> Bagaimanapun mulai 20 Jun 2006, Petaling Jaya telah dinaikkan taraf menjadi sebuah bandaraya dan tidak lagi sebagai bandar satelit kepada bandaraya Kuala Lumpur.<sup>45</sup>

---

<sup>41</sup> Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 396.

<sup>42</sup> MPPJ dan Laporan Kegiatan MPPJ: Menuju Kecemerlangan Organisasi (1993), h. 4.

<sup>43</sup> Abdul Razak Shahbudin (2003), “Pengurusan Infrastruktur Bandar: Satu Kajian Perbandingan Mengenai Sistem Pengurusan Letak Kereta Di Kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) Dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)” (Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya), h. 178.

<sup>44</sup> MPPJ dan Laporan Kegiatan MPPJ (1993), *op.cit.*, h. 4.

<sup>45</sup> Petaling Jaya, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling\\_Jaya](http://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling_Jaya), 27 September 2009.

Tujuan utama diwujudkan sebuah bandar baru yang dinamakan Petaling Jaya ini adalah untuk menyediakan tempat tinggal kepada mereka yang bekerja di Kuala Lumpur, memandangkan kawasan kediaman di Kuala Lumpur semakin padat. Di samping itu bandar baru ini juga telah dijadikan penempatan untuk penduduk setinggan Kuala Lumpur, yang mana tanah tempat kediaman mereka telah diambil untuk projek-projek kerajaan.<sup>46</sup> Pada peringkat awal kewujudannya, bandar Petaling Jaya juga telah menjadi kawasan kediaman elit bagi golongan atasan yang bekerja di Kuala Lumpur.<sup>47</sup> Oleh yang demikian, penduduk Petaling Jaya adalah terdiri daripada pelbagai tahap sosio ekonomi. Malah kedudukannya yang berjiran dengan kota metropolitan Kuala Lumpur secara tidak langsung turut memberi kesan dari segi sosiolisasi kepada penduduknya.

Dari segi pentadbiran, bandaraya Petaling Jaya dibahagikan kepada seksyen-seksyen tertentu. Pembahagian ini dilakukan adalah untuk melancarkan jentera pentadbiran dan juga mewujudkan persekitaran yang selesa dan harmoni.<sup>48</sup> Pada hari ini, Petaling Jaya merupakan sebuah bandaraya yang sangat pesat pembangunannya di negeri Selangor dan juga di Malaysia.

### **3.9 Sekolah-Sekolah Menengah Di Petaling Jaya**

Dari segi prasarana pendidikan, Petaling Jaya menyediakan kemudahan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Berkaitan dengan

---

<sup>46</sup> Lembaga Bandaran Petaling Jaya: 10 Tahun 1964-1974 (Buku Cenderamata Sempena Perayaan Ulangtahun Ke 10 Bandaran dan Hari Kebangsaan), h. 17.

<sup>47</sup> Abdul Razak Shahbudin (2003), *op.cit.*, h. 179.

<sup>48</sup> Lembaga Bandaran Petaling Jaya: 10 Tahun 1964-1974, *op.cit.*, h. 15.

pendidikan peringkat menengah, terdapat 13 buah sekolah menengah harian di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran. Jadual 3.9 menunjukkan taburan sekolah menengah di Petaling Jaya.

**Jadual 3.9: Taburan Sekolah-Sekolah Menengah Di Petaling Jaya**

| <b>BIL.</b> | <b>SEKOLAH</b>         |
|-------------|------------------------|
| 1.          | SMK (L) BUKIT BINTANG  |
| 2.          | SMK (P) SRI AMAN       |
| 3.          | SMK (P) TAMAN PETALING |
| 4.          | SMK ASSUNTA            |
| 5.          | SMK KATHOLIK           |
| 6.          | SMK KELANA JAYA        |
| 7.          | SMK LA SALLE           |
| 8.          | SMK SRI PERMATA        |
| 9.          | SMK SRI UTAMA          |
| 10.         | SMK SULTAN ABDUL SAMAD |
| 11.         | SMK TAMAN DATO' HARUN  |
| 12.         | SMK TAMAN MEDAN        |
| 13.         | SMK TAMAN SEA          |

Sumber: Pejabat Pelajaran Daerah Petaling

Jadual 3.9 menunjukkan senarai 13 buah sekolah menengah harian di Petaling Jaya. Lima buah sekolah merupakan sekolah satu jantina. Dua buah sekolah untuk pelajar lelaki iaitu SMK (L) Bukit Bintang dan SMK La Salle. Tiga buah sekolah lagi untuk pelajar perempuan, iaitu SMK (P) Sri Aman, SMK Assunta dan SMK (P) Taman Petaling. Sekolah-sekolah lain merupakan sekolah bercampur jantina. Untuk tujuan kajian, sembilan buah sekolah telah dipilih. Pemilihan ini adalah berdasarkan faktor bahawa sekolah-sekolah tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang memenuhi keperluan kajian, iaitu terdapat pelajar Islam tingkatan empat, pelajar terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan, tahap pencapaian pelajar dalam mata

pelajaran Islam adalah pelbagai iaitu ada cemerlang, sederhana dan lemah, pelajar datang dari latar belakang sosio ekonomi yang berbeza. Berdasarkan kriteria-kriteria ini, penyelidik berpendapat responden daripada sekolah-sekolah yang dipilih itu dapat membantu mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian ini.

### **3.10 Faktor Petaling Jaya Dipilih Sebagai Tempat Kajian**

Pemilihan Petaling Jaya sebagai tempat kajian adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:

1. Petaling Jaya merupakan sebuah bandaraya elit yang begitu pesat membangun dari segi fizikal dan infranstruktur serta berjiran dengan bandaraya Kuala Lumpur. Sifat dan kedudukan ini sudah tentu mempengaruhi kegiatan sosial pelajar dan bagi pelajar yang mempunyai iman yang lemah, sudah pasti mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang negatif. Oleh itu amalan dan penghayatan ibadah perlu dimantapkan untuk menangkis pengaruh gejala negatif ini.
2. Penyelidik sendiri mempunyai pengalaman 10 tahun mengajar di sekolah menengah kebangsaan di bandaraya ini. Hasil pemerhatian, pengamatan dan temubual dengan para pelajar serta perkongsian pendapat dengan rakan-rakan sejawatan dari kawasan yang sama mengenai amalan dan penghayatan ibadah khusus harian pelajar, maka penyelidik berpendapat satu kajian khusus mengenai perkara ini perlu dibuat kerana dapatan daripada kajian tersebut

dapat membantu untuk mengenalpasti kelemahan atau masalah yang mungkin ada dalam melaksanakan kurikulum dan pedagogi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam KBSM.

3. Pelajar di kawasan ini datang daripada keluarga yang mempunyai status sosio ekonomi yang berbagai. Keadaan ini telah mempengaruhi perwatakan dan amalan ibadah pelajar. Kajian mengenai penghayatan ibadah khusus harian di kalangan pelajar di kawasan ini adalah perlu dan penting kerana dapatan daripada kajian tersebut dapat memberi maklumat dan gambaran kepada pihak-pihak yang terbabit untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mengekang penghayatan pelajar dalam ibadah khususnya dan agama amnya, dengan mengambil kira latar belakang keluarga dan persekitaran pelajar.
  
4. Pelajar Islam di kawasan ini begitu terdedah dari segi pergaulan dengan pelajar berlainan bangsa dan agama. Oleh itu penghayatan Islam, yang termasuk juga penghayatan ibadah adalah penting sebagai menzahirkan ajaran Islam yang sebenar melalui tingkah laku pelajar itu sendiri. Dengan lain perkataan, kejayaan pelajar Islam mengamalkan dan seterusnya menghayati ibadah membolehkan mereka berdakwah secara tidak langsung kepada rakan bukan Islam dalam bentuk dakwah *bi al-hal*.